

Kenyataan Dasar
Autoriti Monetari Brunei Darussalam
2/2018

Tarikh: 24 Disember 2018

Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau

1. International Monetary Fund (IMF) telah menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global kepada kadar 3.7% bagi tahun 2018 dan 2019 berbanding kadar 3.9% iaitu unjuran awal yang dibuat semasa *World Economic Outlook* pada bulan Julai yang lalu. Perubahan tersebut telah dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor termasuk kemungkinan meningkatnya ketegangan perdagangan global dan prospek yang lemah bagi beberapa *emerging market economies* dan *developing economies* yang utama. Aktiviti ekonomi di beberapa ekonomi maju kurang memberangsangkan berbanding dengan tahun lepas, terutamanya di zon Eropah dan United Kingdom. Sebaliknya, Amerika Syarikat mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Manakala, *emerging market economies* dan *developing economies* terus berkembang pada kadar yang sama seperti pada tahun lepas. Pertumbuhan ekonomi di India telah didorong oleh pemulihan tahap permintaan domestik manakala ekonomi China tumbuh pada kadar yang sederhana disebabkan oleh penurunan tahap pelaburan dan pengeluaran industri, serta isu ketegangan perdagangan yang berterusan. Sidang Kemuncak G20 yang telah diadakan baru-baru ini mengakui bahawa perdagangan dan pelaburan antarabangsa kekal menjadi pendorong utama kepada pembangunan ekonomi.

2. Sentimen para pelabur dalam pasaran kewangan masih mengekalkan sikap berwaspada memandangkan keadaan ketegangan perdagangan global dan faktor geopolitik yang tidak menentu termasuk rundingan Brexit. Namun demikian, isu-isu tersebut telah baru-baru ini menunjukkan perkembangan yang positif berikutan kerjasama *multilateral* yang telah memberikan keyakinan kepada pasaran kewangan. Akan tetapi, kebimbangan terhadap perkara-perkara tersebut serta nilai dolar Amerika Syarikat yang kukuh, telah menyebabkan penurunan dalam harga kebanyakan komoditi dalam

beberapa suku tahun yang lepas. Meskipun harga minyak mentah agak kukuh pada beberapa suku tahun yang lepas, ia telah mengalami penurunan pada bulan November berikutan lonjakan bekalan minyak mentah dan tahap permintaan yang lemah. OPEC telah menyatakan untuk memulakan langkah pengawalan bekalan minyak mentah bagi meningkatkan harga komoditi tersebut pada tahun 2019. Manakala harga gas cecair asli kekal stabil berikutan permintaan global yang tinggi dan bekalan yang mencukupi walaupun ketegangan geopolitik masih menjadi risiko utama.

3. Dari aspek dasar monetari, kadar faedah di ekonomi-ekonomi maju sekarang secara purata telah melebihi kadar 1% buat pertama kalinya sejak tahun 2009 yang menunjukkan peralihan kepada era *monetary policy tightening*. Federal Reserve Amerika Syarikat telah meningkatkan kadar faedah sebanyak empat kali pada tahun ini dengan mengambil kira perkembangan ekonomi domestik yang berterusan dan keadaan pasaran buruh yang kukuh. European Central Bank pula sedang mengurangkan pembelian aset bersih yang akan berakhir pada bulan Disember 2018. Bank of England juga telah menaikkan kadar faedah bagi kali kedua dalam satu dekad pada bulan Ogos 2018 yang lalu. Beberapa buah bank pusat di rantau Asia juga telah menaikkan kadar faedah pada tahun ini. Walau bagaimanapun, keadaan persekitaran kadar faedah yang semakin meningkat ini berkemungkinan akan menjadi risiko jangka pendek kepada *emerging market economies*, terutama sekali bagi negara-negara yang mempunyai jumlah hutang yang tinggi dan asas ekonomi yang lemah. Ia merupakan penyumbang utama kepada peningkatan aliran keluar modal, penyusutan drastik nilai mata wang dan pergolakan pasaran di ekonomi-ekonomi tersebut pada beberapa bulan kebelakangan ini.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

4. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga tetap telah menurun sebanyak 2.8% tahun-ke-tahun pada suku kedua 2018. Penurunan ini adalah disebabkan oleh perkembangan negatif dalam kedua-dua sektor minyak dan gas dan bukan minyak dan gas. Sektor minyak dan gas menurun sebanyak 2.6% tahun-ke-tahun pada harga tetap disebabkan oleh

penurunan dalam pembuatan gas cecair asli dan metanol sebanyak 3.5% serta aktiviti perlombongan minyak dan gas sebanyak 2.3%. Sektor tersebut telah tidak dapat memanfaatkan kenaikan harga minyak mentah sebanyak 49.6% tahun-ke-tahun dan gas secair asli sebanyak 13.0% tahun-ke-tahun disebabkan jumlah pengeluaran yang rendah bagi kedua-dua komoditi pada suku kedua 2018. Sektor bukan minyak dan gas juga telah menurun sebanyak 3.0% tahun-ke-tahun dalam suku tahun tersebut. Sektor kewangan merupakan penyumbang utama kepada penurunan tersebut dengan kadar penurunan sebanyak 37.0% tahun-ke-tahun diikuti oleh penurunan pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan pertanian lain sebanyak 16.8% serta perikanan sebanyak 11.8%. Penurunan kadar pertumbuhan sektor kewangan ini adalah disebabkan oleh penurunan pendapatan pelaburan dalam industri perbankan. Ekonomi Negara Brunei Darussalam bagi enam bulan pertama tahun 2018 telah merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.05% tahun-ke-tahun memandangkan tahap penurunan pada suku kedua 2018 adalah lebih tinggi daripada tahap pertumbuhan positif yang dicatat pada suku pertama tahun ini.

5. Purata Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi sepuluh bulan pertama tahun 2018 telah meningkat sebanyak 0.2% tahun-ke-tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh Makanan dan Minuman Ringan di mana terdapat kenaikan harga bagi kebanyakan kategori makanan dan minuman; Rekreasi dan Kebudayaan dengan kenaikan harga buku, alat tulis serta pakej percutian dan haji atau umrah; dan Pendidikan disebabkan oleh peningkatan dalam yuran persekolahan bagi beberapa sekolah swasta. AMBD meramalkan kadar inflasi untuk kekal pada lingkungan 0% ke 1% pada tahun 2018.
6. Tekanan inflasi dijangka pada tahap sederhana sepanjang tahun ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, kadar inflasi yang diimport dijangka kekal lembap berdasarkan harga komoditi global yang berkemungkinan akan menurun disebabkan oleh isu-isu ketengangan perdagangan global. Kedua, ketetapan Monetary Authority of Singapore untuk meningkatkan nilai dolar Singapura pada bulan Oktober 2018 akan menyumbang kepada pengurangan tekanan inflasi di Negara Brunei Darussalam memandangkan terdapat persamaan nilai dolar Brunei dengan

dolar Singapura. Ketiga, tekanan inflasi dari sumber-sumber domestik pula dijangka akan terus bertahan disokong oleh tahap permintaan domestik yang stabil. Impak daripada faktor-faktor tersebut dijangka akan berterusan sehingga ke tahun hadapan. Justeru AMBD meramalkan kadar inflasi pada tahun 2019 akan berada dalam lingkungan 0% ke 1%. Namun ianya berkemungkinan menghadapi penurunan sekiranya tekanan inflasi global masih lemah.

Perkembangan Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam

7. Pada suku ketiga 2018, sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam kekal berdaya tahan di sebalik keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Institusi-institusi kewangan yang berlesen di negara ini terus mengekalkan asas-asas kukuh yang didorong oleh tahap modal yang tinggi, kecairan yang kukuh dan pulangan keuntungan yang bertambah baik. *Aggregate Capital Adequacy Ratio* pada suku ketiga 2018 adalah sebanyak 18.7%, iaitu melebihi keperluan minima 10% sepertimana yang diperuntukkan di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Bank-bank di Negara Brunei Darussalam juga mempunyai tahap kecairan (*liquidity*) yang tinggi dengan nisbah *Liquid Assets-to-Total Assets* sebanyak 50.1% pada suku ketiga 2018. Manakala, penunjuk agregat nisbah *Return on Assets* dan *Return on Equity* adalah masing-masing sebanyak 1.1% dan 7.6% pada suku ketiga 2018.

8. Pada suku tahun tersebut juga, jumlah keseluruhan aset dan deposit industri perbankan telah masing-masing meningkat sebanyak 0.9% tahun-ke-tahun kepada BND17.5 bilion dan 2.4% tahun-ke-tahun kepada BND15.0 bilion. Pinjaman/pembiayaan mencatatkan kenaikan sebanyak 4.6% kepada BND5.4 bilion pada suku ketiga 2018 berbanding BND5.2 bilion pada suku ketiga 2017 yang disumbangkan oleh sektor korporat terutamanya sektor pengangkutan, perkhidmatan dan pembuatan. Manakala, peningkatan deposit adalah kebanyakannya disebabkan oleh peningkatan jumlah deposit daripada syarikat-syarikat dan institusi-institusi milik Kerajaan.

9. Agregat nisbah pinjaman/pembiayaan tertunggak bersih (*aggregate net non-performing loans/financing ratio*) telah meningkat dari 2.4% pada suku ketiga 2017 kepada 3.0% pada suku ketiga 2018, terutamanya di sektor korporat seperti sektor perkhidmatan, pembuatan dan pengangkutan.
10. Bagi mengukuhkan pengawalseliaan industri pasaran modal, AMBD telah mengeluarkan beberapa Notis pada tahun ini untuk mengukuhkan perlindungan dan memupuk keyakinan para pelabur di Negara Brunei Darussalam. Notis-Notis yang berkaitan dengan penawaran produk *debentures* dikeluarkan untuk mengukuhkan *due diligence* dan *client suitability requirements* para pengedar produk pasaran modal yang dilesenkan apabila mereka menawarkan produk *debentures* kepada pelabur *sophisticated* dan juga *retail*. Notis lain yang dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada pemegang dan pemohon *Capital Markets Services Representative Licence* mengenai keperluan menduduki peperiksaan pelesenan di salah sebuah daripada empat pusat peperiksaan yang telah diiktiraf oleh AMBD.
11. Pada 1 November 2018, AMBD selaku depository bagi Sukuk Al-Ijarah Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah dilantik sebagai *National Numbering Agency* (NNA) bagi Negara Brunei Darussalam. Ini adalah selaras dengan usaha berterusan AMBD untuk membangunkan pasaran modal domestik yang menepati amalan terbaik antarabangsa. Sebagai langkah seterusnya, AMBD akan menyertai Association of National Numbering Agency (ANNA) iaitu sebuah organisasi yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan pengurusan piawaian International Organization for Standardization (ISO) yang berkaitan dengan instrumen-instrumen kewangan.
12. Dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mengembangmajukan *money market* domestik AMBD telah mengeluarkan Notis-Notis mengenai *Conventional* dan *Syariah-compliant Overnight Standing Facilities* yang mula berkuatkuasa pada 20 September 2018. Kemudahan-kemudahan ini bertujuan untuk membantu institusi-institusi perbankan menguruskan kecairan (*liquidity management*) dengan lebih berkesan dan efisien dan seterusnya dapat menyumbang kepada sebuah

sistem kewangan yang berfungsi dengan lancar. Instrumen dan operasi yang berhubung dengan kemudahan ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip Lembaga Mata Wang (*Currency Board*) dan Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

13. Untuk mencapai objektif AMBD dalam menambahbaik rejim pengawal seliaan AMBD akan memperkenalkan rangka kerja pendaftaran ke atas ejen-ejen insurans nyawa/takaful keluarga pada 1 Januari 2019. Rangka kerja pendaftaran tersebut bertujuan untuk menguatkuasakan keperluan dalam menjalankan perniagaan secara profesional dan tatalaku yang telus sebagai ejen insurans nyawa/takaful keluarga.
14. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memajukan kewangan Islam di negara ini, AMBD telah mengeluarkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk memastikan operasi dan produk kewangan yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan mematuhi Hukum Syara', sekaligus memenuhi amalan terbaik antarabangsa di dalam industri kewangan Islam. Di samping itu, Garis Panduan bagi Proses Kebenaran Produk Islam di bawah Bab 14 Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006 juga telah diperkenalkan.
15. Menurut Laporan *Doing Business 2019* yang diterbitkan baru-baru ini, World Bank telah mengiktiraf pelaksanaan sistem *credit scoring* kebangsaan iaitu *Bureau Credit Score* yang dikendalikan oleh Biro Kredit AMBD. Berdasarkan pelaksanaan sistem tersebut, Negara Brunei Darussalam telah mencapai skor penuh dan menduduki tempat pertama daripada 190 buah ekonomi dalam penunjuk *Getting Credit* bersama dengan New Zealand.
16. AMBD telah menghasilkan "Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019-2025" dengan menetapkan strategi ke arah "Digital Payment Nation". Penerbitan *Roadmap* ini diharap akan dapat menjadi panduan bagi semua pihak berkepentingan dalam industri pembayaran untuk menghadapi cabaran dalam memperkenalkan ekonomi digital di Negara Brunei Darussalam dan memenuhi keperluan generasi akan datang.

Ini adalah selaras dengan strategi di bawah Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint 2016-2025 (FSBP) serta visi Wawasan Brunei 2035 dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi secara dinamik.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE)

International Monetary Fund (IMF)